MALAYSIA

# PERANGKAAN PERKHIDMATAN
*SERVICES STATISTICS*

# BANCI EKONOMI 2011
# PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI
*ECONOMIC CENSUS 2011*
*PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

**PUTRAJAYA**

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# KATA PENGANTAR

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi **perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti** yang merangkumi **aktiviti keahlian organisasi; pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah dan aktiviti perkhidmatan lain**. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual-jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**
Ketua Perangkawan
Malaysia

**Julai 2012**

## *PREFACE*

*This report presents statistics on **personal services and other activities** which encompasses **activities of membership organisations; repair of computers and personal & household goods and other services activities**. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.*

*Data pertaining to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.*

*This report consists of three parts. The summary findings of the census is highlighted in the first part of the report. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.*

*I would like to express my appreciation to all parties concerned who have contributed towards this report. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.*

***DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN***
*Chief Statistician*
*Malaysia*

***July 2012***

**KANDUNGAN**
*CONTENTS*

| | Muka Surat *Page* |
|---|---|
| **Kata pengantar** *Preface* | i |
| **Ringkasan penemuan** *Summary findings* | 3 |
| **Nota teknikal** *Technical notes* | 25 |

**Jadual** *Table* — **Senarai jadual** *List of tables*

**BAHAGIAN 1 : PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI**
*PART 1 : PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES*

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut jenis, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by type, 2010* | 45 |
| 1.2 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut negeri, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by state, 2010* | 46 |
| 1.3 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut taraf sah, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by legal organisation, 2010* | 47 |
| 1.4 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut hak milik, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by ownership, 2010* | 48 |
| 1.5 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz output, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by output size, 2010* | 49 |
| 1.6 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz pekerja, 2010** *Principal statistics of personal services and other activities by employment size, 2010* | 50 |

**Muka Surat**
*Page*


| | | |
|---|---|---|
| 1.7 | **Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz harta tetap, 2010**<br>*Principal statistics of personal services and other activities by fixed assets size, 2010* | 51 |
| 1.8 | **Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut kategori pekerja, 2010**<br>*Number of persons engaged and salaries & wages in personal services and other activities by category of workers, 2010* | 52 |
| 1.9 | **Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti, 2010**<br>*Capital expenditure and value of fixed assets in personal services and other activities, 2010* | 53 |
| 1.10 | **Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut industri, 2010**<br>*Principal statistics of women-owned establishments in personal services and other activities by industry, 2010* | 54 |
| 1.11 | **Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut negeri, 2010**<br>*Principal statistics of women-owned establishments in personal services and other activities by state, 2010* | 55 |
| | **BAHAGIAN 2 : AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI**<br>*PART 2 : ACTIVITIES OF MEMBERSHIP ORGANISATIONS* | |
| 2.1 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut jenis, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by type, 2010* | 59 |
| 2.2 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut negeri, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by state, 2010* | 60 |
| 2.3 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut taraf sah, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by legal organisation, 2010* | 61 |
| 2.4 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut hak milik, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by ownership, 2010* | 62 |
| 2.5 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut saiz output, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by output size, 2010* | 63 |
| 2.6 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut saiz pekerja, 2010**<br>*Principal statistics of activities of membership organisations by employment size, 2010* | 64 |

| | | Muka Surat *Page* |
|---|---|---|
| 2.7 | **Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut saiz harta tetap, 2010** *Principal statistics of activities of membership organisations by fixed assets size, 2010* | 65 |
| 2.8 | **Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam aktiviti keahlian organisasi mengikut kategori pekerja, 2010** *Number of persons engaged and salaries & wages in activities of membership organisations by category of workers, 2010* | 66 |
| 2.9 | **Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam aktiviti keahlian organisasi, 2010** *Capital expenditure and value of fixed assets in activities of membership organisations, 2010* | 67 |
| | **BAHAGIAN 3 : PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN & ISI RUMAH** *PART 3 : REPAIR OF COMPUTERS AND PERSONAL & HOUSEHOLD* GOODS | |
| 3.1 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut jenis, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by type, 2010* | 71 |
| 3.2 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut negeri, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by state, 2010* | 72 |
| 3.3 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut taraf sah, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by legal organisation, 2010* | 73 |
| 3.4 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut hak milik, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by ownership, 2010* | 74 |
| 3.5 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut saiz output, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by output size, 2010* | 75 |
| 3.6 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut saiz pekerja, 2010** *Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by employment size, 2010* | 76 |

| | | Muka Surat<br>*Page* |
|---|---|---|
| 3.7 | **Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut saiz harta tetap, 2010**<br>*Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by fixed assets size, 2010* | 77 |
| 3.8 | **Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut kategori pekerja, 2010**<br>*Number of persons engaged and salaries & wages in repair of computers and personal & household goods by category of workers, 2010* | 78 |
| 3.9 | **Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, 2010**<br>*Capital expenditure and value of fixed assets in repair of computers and personal & household goods, 2010* | 79 |
| | **BAHAGIAN 4 : AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN**<br>*PART 4 : OTHER SERVICES ACTIVITIES* | |
| 4.1 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut jenis, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by type, 2010* | 83 |
| 4.2 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut negeri, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by state, 2010* | 84 |
| 4.3 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut taraf sah, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by legal organisation, 2010* | 85 |
| 4.4 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut hak milik, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by ownership, 2010* | 86 |
| 4.5 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut saiz output, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by output size, 2010* | 87 |
| 4.6 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut saiz pekerja, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by employment size, 2010* | 88 |
| 4.7 | **Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan lain mengikut saiz harta tetap, 2010**<br>*Principal statistics of other services activities by fixed assets size, 2010* | 89 |
| 4.8 | **Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam aktiviti perkhidmatan lain mengikut kategori pekerja, 2010**<br>*Number of persons engaged and salaries & wages in other services activities by category of workers, 2010* | 90 |

| | | Muka Surat<br>*Page* |
|---|---|---|
| **4.9** | **Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam aktiviti perkhidmatan lain, 2010**<br>*Capital expenditure and value of fixed assets in other services activities, 2010* | 91 |
| | **LAMPIRAN: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008**<br>*APPENDIX: Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008* | 95 |

# RINGKASAN PENEMUAN

*SUMMARY FINDINGS*

# PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI

*PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES*

## PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI

| PENUNJUK UTAMA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Aktiviti | Bilangan pertubuhan | Nilai output kasar (RM '000) | Nilai ditambah (RM '000) | Bilangan pekerja | Gaji & upah yang dibayar (RM '000) | Nilai harta tetap (RM '000) |
| Aktiviti keahlian organisasi | 9,623 | 304,763 | 68,721 | 5,187 | 53,201 | 319,913 |
| Pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah | 4,197 | 830,098 | 382,484 | 12,837 | 127,642 | 138,267 |
| Aktiviti perkhidmatan lain | 22,909 | 3,616,746 | 2,069,853 | 77,466 | 769,754 | 1,734,740 |
| Jumlah | 36,729 | 4,751,607 | 2,521,058 | 95,490 | 950,597 | 2,192,920 |

## 1. PENDAHULUAN

Laporan ini membentangkan perangkaan bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti yang merangkumi aktiviti keahlian organisasi; pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah dan aktiviti perkhidmatan lain. Data yang dikumpul adalah berdasarkan respon lengkap yang diterima bagi tahun rujukan 2010 yang diliputi di bawah Banci Ekonomi 2011. Penunjuk utama bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti dalam tahun 2010 ditunjukkan dalam jadual di atas.

## 2. PRESTASI PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI

Berdasarkan keputusan banci, sejumlah 36,729 **pertubuhan** beroperasi di dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti pada tahun 2010. Aktiviti perkhidmatan lain mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 22,909 pertubuhan atau 62.4 peratus, diikuti oleh aktiviti keahlian organisasi, 9,623 pertubuhan atau 26.2 peratus dan pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, 4,197 pertubuhan atau 11.4 peratus. Carta 2.1 menunjukkan peratus taburan penunjuk utama mengikut jenis perkhidmatan dalam tahun 2010.

**Nilai output kasar** yang dijana adalah berjumlah RM4,751.6 juta. Aktiviti perkhidmatan lain merekodkan nilai output kasar yang tertinggi iaitu RM3,616.7 juta atau 76.1 peratus, diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, RM830.1 juta atau 17.5 peratus dan aktiviti keahlian organisasi, RM304.8 juta atau 6.4 peratus.

**Nilai ditambah** berjumlah RM2,521.1 juta pada tahun 2010. Dalam tempoh tersebut, aktiviti perkhidmatan lain juga merupakan penyumbang tertinggi dengan RM2,069.9 juta atau 82.1 peratus. Ini diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, RM382.5 juta atau 15.2 peratus dan aktiviti keahlian organisasi, RM68.7 juta atau 2.7 peratus.

**Carta 2.1: Peratus taburan penunjuk utama mengikut jenis perkhidmatan, 2010**




**Nilai harta tetap** berjumlah RM2,192.9 juta. Pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan lain memiliki nilai harta tetap yang tertinggi iaitu sebanyak RM1,734.7 juta atau 79.1 peratus. Seterusnya adalah aktiviti keahlian organisasi, RM319.9 juta atau 14.6 peratus dan selebihnya RM138.3 juta atau 6.3 peratus dimiliki oleh pertubuhan dalam pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah.

**Bilangan pekerja** adalah seramai 95,490 orang, di mana 67.7 peratus atau 64,608 orang adalah pekerja bergaji sepenuh masa. Bilangan pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 26,314 orang atau 27.5 peratus dan pekerja bergaji sambilan berjumlah 4,568 orang atau 4.8 peratus. Daripada jumlah pekerja bergaji sepenuh masa, pekerja am mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dengan 38,499 orang atau 40.3 peratus (Carta 2.2). Dari segi bilangan pekerja mengikut jantina, pekerja perempuan yang digaji adalah 58.2 peratus, berbanding pekerja lelaki sebanyak 41.8 peratus. Pertubuhan dalam aktiviti perkhidmatan lain menggaji bilangan pekerja perempuan tertinggi, 53.4 peratus.

**Carta 2.2: Bilangan pekerja mengikut kategori pekerja, 2010**




**Jumlah gaji & upah** yang dibayar adalah sebanyak RM950.6 juta di mana pekerja dalam aktiviti perkhidmatan lain menerima gaji terbanyak iaitu RM769.8 juta atau 81.0 peratus. Purata gaji setahun bagi setiap pekerja dalam kumpulan perkhidmatan ini adalah sebanyak RM13,742. Purata gaji tahunan yang tertinggi direkodkan oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, RM15,199 (Jadual 2.1).

**Jadual 2.1*:* Gaji & upah dan purata gaji tahunan mengikut jenis aktiviti, 2010**

| Aktiviti | Bilangan pekerja | (%) | Pekerja bergaji | (%) | Gaji & upah yang dibayar (RM '000) | (%) | Purata gaji setahun setiap pekerja (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Aktiviti keahlian organisasi | 5,187 | 5.4 | 5,187 | 7.5 | 53,201 | 5.6 | 10,257 |
| Pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah | 12,837 | 13.5 | 8,398 | 12.1 | 127,642 | 13.4 | 15,199 |
| Aktiviti perkhidmatan lain | 77,466 | 81.1 | 55,591 | 80.4 | 769,754 | 81.0 | 13,847 |
| **Jumlah** | **95,490** | **100.0** | **69,176** | **100.0** | **950,597** | **100.0** | **13,742** |

## 3. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Selangor merekodkan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu sebanyak 8,271 pertubuhan atau 22.5 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor dengan masing-masing mencatatkan 4,354 pertubuhan (11.9 peratus) dan 3,984 pertubuhan (10.9 peratus). Tiga negeri tersebut menyumbang sebanyak 45.3 peratus daripada jumlah pertubuhan dalam perkhidmatan ini (Carta 3.1).

**Carta 3.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010**




**Nota:**
***Negeri-Negeri lain** merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

Sama seperti peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri (Carta 3.1), Selangor dan W.P. Kuala Lumpur juga memaparkan keadaan yang sama dalam peratus taburan bagi **nilai output kasar** dan **nilai ditambah**. Sementara itu, Pulau Pinang adalah negeri ketiga tertinggi. Ketiga-tiga negeri ini mencatatkan lebih separuh daripada nilai output kasar dan nilai ditambah (Carta 3.2).

**Carta 3.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010**




**Nota:**
***Negeri-Negeri lain** merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

## 4. PRESTASI MENGIKUT JENIS AKTIVITI PERKHIDMATAN

### 4.1 AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI

Berdasarkan keputusan banci, sejumlah 9,623 **pertubuhan** beroperasi dalam aktiviti keahlian organisasi pada tahun 2010. Tiga aktiviti yang diliputi adalah aktiviti keahlian organisasi perniagaan, majikan dan profesional; aktiviti kesatuan buruh dan aktiviti keahlian organisasi lain. Aktiviti keahlian organisasi lain yang terdiri daripada aktiviti organisasi keagamaan, aktiviti organisasi politik dan aktiviti keahlian organisasi lain (misalnya persatuan pengguna, persatuan automobil dan persatuan belia) mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 8,612 pertubuhan atau 89.5 peratus. Bilangan pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti kesatuan buruh berjumlah 379 pertubuhan atau 3.9 peratus (Carta 4.1.1).

**Carta 4.1.1 : Bilangan dan peratus pertubuhan mengikut jenis, 2010**




**Carta 4.1.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut jenis, 2010**




Daripada **nilai output kasar** yang dijana pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM304.8 juta, aktiviti keahlian organisasi lain merupakan penyumbang tertinggi iaitu RM259.0 juta atau 85.0 peratus, diikuti oleh aktiviti keahlian organisasi perniagaan, majikan dan profesional, RM30.3 juta atau 9.9 peratus dan aktiviti kesatuan buruh, RM15.5 juta atau 5.1 peratus.

Sama seperti nilai output kasar, aktiviti keahlian organisasi lain juga merupakan penyumbang tertinggi bagi **nilai ditambah** dengan catatan sebanyak RM54.6 juta atau 79.4 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti keahlian organisasi perniagaan, majikan dan profesional dan aktiviti kesatuan buruh, masing-masing RM9.6 juta atau 14.0 peratus dan RM4.5 juta atau 6.6 peratus. Carta 4.1.2 menunjukkan peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut jenis.

**Nilai harta tetap** yang dimiliki pada tahun 2010 berjumlah RM319.9 juta. Pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti keahlian organisasi lain merekodkan nilai harta tetap yang tertinggi iaitu sebanyak RM267.4 juta atau 83.6 peratus, diikuti oleh aktiviti keahlian organisasi perniagaan, majikan dan profesional, RM33.7 juta atau 10.5 peratus dan aktiviti kesatuan buruh, RM18.8 juta atau 5.9 peratus.

**Bilangan pekerja** adalah seramai 5,187 orang, di mana 72.1 peratus atau 3,739 orang merupakan pekerja bergaji sepenuh masa dan selebihnya adalah pekerja bergaji sambilan. Daripada jumlah ini, pekerja am mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dengan 1,551 orang atau 29.9 peratus (Carta 4.1.3).

**Carta 4.1.3: Peratus taburan pekerja mengikut kategori pekerja, 2010**




## 4.2 PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN & ISI RUMAH

Pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah merangkumi aktiviti pembaikan komputer dan peralatan komunikasi dan pembaikan barangan persendirian dan isi rumah. Terdapat sejumlah 4,197 **pertubuhan** yang terlibat dalam pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah ini. Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi adalah yang tertinggi dari segi bilangan pertubuhan iaitu sebanyak 2,196 pertubuhan atau 52.3 peratus. Sementara itu, sebanyak 2,001 pertubuhan beroperasi dalam aktiviti pembaikan barangan persendirian dan isi rumah (Carta 4.2.1).

**Carta 4.2.1 : Bilangan dan peratus pertubuhan mengikut jenis, 2010**




**Bilangan pertubuhan : 4,197**

Dari segi **nilai output kasar** dan **nilai ditambah**, pembaikan komputer dan peralatan komunikasi merupakan penyumbang tertinggi dengan masing-masing mencatatkan 51.0 peratus dan 52.3 peratus. Sementara itu, pembaikan barangan persendirian dan isi rumah mencatatkan 49.0 peratus kepada nilai output kasar dan 47.7 peratus kepada nilai ditambah (Carta 4.2.2).

**Carta 4.2.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut jenis, 2010**




**Bilangan pekerja** yang terlibat dalam aktiviti ini adalah seramai 12,837 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,398 orang atau 65.4 peratus merupakan pekerja bergaji, sementara pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 4,439 orang atau 34.6 peratus.

**Jumlah gaji & upah** yang dibayar pada tahun 2010 adalah sebanyak RM127.6 juta. Penyumbang utama gaji & upah adalah pembaikan komputer dan peralatan komunikasi iaitu sebanyak RM69.6 juta atau 54.5 peratus. Purata gaji setahun bagi setiap pekerja dalam perkhidmatan ini adalah sebanyak RM15,199 (Jadual 4.2.1).

**Jadual 4.2.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan mengikut jenis aktiviti, 2010**

| Aktiviti | Bilangan pekerja | (%) | Pekerja bergaji | (%) | Gaji & upah yang dibayar (RM juta) | (%) | Purata gaji setahun setiap pekerja (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi | 6,799 | 53.0 | 4,568 | 54.4 | 69.6 | 54.5 | 15,247 |
| Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah | 6,038 | 47.0 | 3,830 | 45.6 | 58.0 | 45.5 | 15,142 |
| **Jumlah** | **12,837** | **100.0** | **8,398** | **100.0** | **127.6** | **100.0** | **15,199** |

## 4.3 AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN

Industri yang dikategorikan di bawah perkhidmatan ini adalah pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; perkhidmatan pengurusan mayat dan aktiviti berkaitan dan aktiviti perkhidmatan lain. Sejumlah 22,909 **pertubuhan** beroperasi di bawah perkhidmatan ini pada tahun 2010. Dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi iaitu 15,783 pertubuhan atau 68.9 peratus, diikuti oleh aktiviti perkhidmatan lain, 5,106 pertubuhan atau 22.3 peratus dan pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu, 1,933 pertubuhan atau 8.4 peratus. Carta 4.3.1 menunjukkan peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut jenis dalam tahun 2010.

**Carta 4.3.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut jenis, 2010**




**Nilai output kasar** yang dijana adalah berjumlah RM3,616.7 juta. Dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain mempunyai nilai output kasar yang tertinggi iaitu RM1,890.4 juta atau 52.3 peratus, diikuti oleh aktiviti perkhidmatan lain, RM1,356.1 juta atau 37.5 peratus dan pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu, RM284.8 juta atau 7.9 peratus.

**Carta 4.3.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut jenis, 2010**



**Nilai ditambah** berjumlah RM2,069.9 juta pada tahun 2010. Dalam tempoh tersebut, dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain merupakan penyumbang tertinggi iaitu RM1,071.8 juta atau 51.8 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti perkhidmatan lain, RM797.4 juta atau 38.5 peratus dan pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu, RM156.5 juta atau 7.6 peratus. Carta 4.3.2 menunjukkan peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut jenis dalam tahun 2010.

**Nilai harta tetap** yang dimiliki berjumlah RM1,734.7 juta. Pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan lain memiliki nilai harta tetap yang tertinggi iaitu sebanyak RM1,041 juta atau 60.0 peratus. Seterusnya adalah dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain, RM445.7 juta atau 25.7 peratus dan pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu, RM213.3 juta atau 12.3 peratus.

**Bilangan pekerja** adalah seramai 77,466 orang, di mana 68.4 peratus atau 53,009 orang adalah merupakan pekerja bergaji sepenuh masa. Daripada jumlah tersebut, kategori pekerja am mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dengan 33,778 orang atau 63.7 peratus. Pekerja perempuan adalah lebih ramai daripada pekerja lelaki iaitu 65.8 peratus. Sebanyak 73.8 peratus daripada pekerja perempuan dalam perkhidmatan ini bekerja dalam dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain. Jadual 4.3.1 menunjukkan gaji & upah dan purata gaji tahunan mengikut jenis aktiviti dalam tahun 2010.

**Jumlah gaji & upah** yang dibayar pada tahun 2010 berjumlah RM769.8 juta. Purata gaji setahun bagi setiap pekerja dalam aktiviti perkhidmatan lain adalah sebanyak RM13,847. Purata gaji tahunan tertinggi direkodkan oleh perkhidmatan pengurusan mayat dan aktiviti berkaitan, RM17,296 (Jadual 4.3.1).

**Jadual 4.3.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan mengikut jenis aktiviti, 2010**

| Aktiviti | Bilangan pekerja | (%) | Pekerja bergaji | (%) | Gaji & upah dibayar (RM juta) | (%) | Purata gaji setahun diterima setiap pekerja (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu | 7,265 | 9.4 | 5,204 | 9.4 | 60,245 | 7.8 | 11,577 |
| Dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain | 49,729 | 64.2 | 33,619 | 60.5 | 439,451 | 57.1 | 13,072 |
| Perkhidmatan pengurusan mayat dan aktiviti berkaitan | 631 | 0.8 | 555 | 1.0 | 9,599 | 1.3 | 17,296 |
| Aktiviti perkhidmatan lain | 19,841 | 25.6 | 16,213 | 29.1 | 260,459 | 33.8 | 16,065 |
| **Jumlah** | **77,466** | **100.0** | **55,591** | **100.0** | **769,754** | **100.0** | **13,847** |

## 5. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pada tahun 2010, **pertubuhan milikan wanita** dalam perkhidmatan ini adalah berjumlah 12,103 pertubuhan atau 33.0 peratus. Selangor mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 20.4 peratus, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur, 15.8 peratus dan Johor, 11.7 peratus. Sementara itu, negeri-negeri lain seperti Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya hanya mempunyai 0.9 peratus pertubuhan milikan wanita sahaja (Carta 5.1).

**Carta 5.1: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010**




**Nota:**

***Negeri-Negeri lain** merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

Mengikut jenis perkhidmatan, pertubuhan milikan wanita amat ketara dalam aktiviti perkhidmatan lain iaitu sebanyak 97.8 peratus terutamanya dalam dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain (83.6 peratus). Carta 5.2 menunjukkan peratus taburan pertubuhan milikan wanita bagi aktiviti perkhidmatan lain dalam tahun 2010.

**Carta 5.2: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita bagi aktiviti perkhidmatan lain, 2010**




**Nota:**

**Definisi pertubuhan milikan wanita**

a) 51 peratus dan ke atas pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita ATAU

b) Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

**PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES**

| KEY INDICATORS | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Activity | Number of establishments | Value of gross output (RM '000) | Value added (RM '000) | Number of persons engaged | Salaries & wages paid (RM '000) | Value of fixed assets (RM '000) |
| Activities of membership organisations | 9,623 | 304,763 | 68,721 | 5,187 | 53,201 | 319,913 |
| Repair of computers and personal & household goods | 4,197 | 830,098 | 382,484 | 12,837 | 127,642 | 138,267 |
| Other services activities | 22,909 | 3,616,746 | 2,069,853 | 77,466 | 769,754 | 1,734,740 |
| Total | 36,729 | 4,751,607 | 2,521,058 | 95,490 | 950,597 | 2,192,920 |

## 1. INTRODUCTION

*This report presents statistics on personal services and other activities which encompasses activities of membership organisations, repair of computers and personal & household goods and other services activities. Data compiled were based on completed responses received for reference year 2010 canvassed under the Economic Census 2011. Key indicators of personal services and other activities for 2010 are shown above.*

## 2. PERFORMANCE OF PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES

*Based on the census results, a total of 36,729 **establishments** operated in personal services and other activities in 2010. Other services activities had the highest number of establishments with 22,909 establishments or 62.4 per cent, followed by activities of membership organisations, 9,623 establishments or 26.2 per cent and repair of computers and personal & household goods, 4,197 establishments or 11.4 per cent. Chart 2.1 shows the percentage distribution of the key indicators by type of services in 2010.*

***Value of gross output** generated was RM4,751.6 million. Other services activities recorded the highest value of gross output, RM3,616.7 million or 76.1 per cent, followed by repair of computers and personal & household goods, RM830.1 million or 17.5 per cent and activities of membership organisations, RM304.8 million or 6.4 per cent.*

***Value added*** *was RM2,521.1 million in 2010. During this period, other services activities was also the highest contributor with RM2,069.9 million or 82.1 per cent. This was followed by repair of computers and personal & household goods with RM382.5 million or 15.2 per cent and activities of membership organisations, RM68.7 million or 2.7 per cent.*

**Chart 2.1: Percentage distribution of key indicators by type, 2010**




***Value of fixed assets*** *amounted to RM2,192.9 million. Establishments engaged in other services activities owned the highest value of fixed assets with RM1,734.7 million or 79.1 per cent. Next were activities of membership organisations with RM319.9 million or 14.6 per cent and the remaining RM138.3 million or 6.3 per cent was owned by establishments in the repair of computers and personal & household goods.*

***Total number of persons engaged*** *was 95,490 persons, of which 67.7 per cent or 64,608 persons were paid full-time employees. The number of working proprietors, active business partners and unpaid family workers was 26,314 persons or 27.5 per cent and paid part-time employees, 4,568 persons or 4.8 per cent. Out of the total number of paid full-time employees, general workers constituted the highest number, 38,499 persons or 40.3 per cent (Chart 2.2). In terms of number of persons engaged by gender, female workers employed was 58.2 per cent, as compared to male workers, 41.8 per cent. Establishments in other services activities employed the highest number of female workers, 53.4 per cent.*

**Chart 2.2: Total number of persons engaged by category of workers, 2010**




***Total salaries & wages*** *disbursed was RM950.6 million of which employees in other services activities received the most, RM769.8 million or 81.0 per cent. The average annual salary per employee in this group of services was RM13,742. The highest average annual salary was recorded in the repair of computers and personal & household goods, RM15,199 (Table 2.1).*

**Table 2.1: Salaries & wages and average annual salary by type of activity, 2010**

| Activity | Number of persons engaged | (%) | Paid employees | (%) | Salaries & wages paid (RM '000) | (%) | Average annual salary per employee (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Activities of membership organisations | 5,187 | 5.4 | 5,187 | 7.5 | 53,201 | 5.6 | 10,257 |
| Repair of computers and personal & household goods | 12,837 | 13.5 | 8,398 | 12.1 | 127,642 | 13.4 | 15,199 |
| Other services activities | 77,466 | 81.1 | 55,591 | 80.4 | 769,754 | 81.0 | 13,847 |
| **Total** | **95,490** | **100.0** | **69,176** | **100.0** | **950,597** | **100.0** | **13,742** |

### 3. PERFORMANCE BY STATE

*Selangor recorded the highest number of establishments with 8,271 establishments or 22.5 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Johor, 4,354 establishments (11.9 per cent) and 3,984 establishments (10.9 per cent) respectively. These three states cumulatively accounted 45.3 per cent of the total establishments in these services (Chart 3.1).*

**Chart 3.1: Percentage distribution of number of establishments by state, 2010**




**Notation:**
***Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya*

*As in the percentage distribution of number of establishments by state (Chart 3.1), Selangor and W.P. Kuala Lumpur also portrayed a similar pattern in the percentage distribution of **value of gross output** and **value added**. Meanwhile, Pulau Pinang ranked third. These three states cumulatively accounted for more than half of value of gross output and value added (Chart 3.2).*

**Chart 3.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by state, 2010**




**Notation:**
***Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya*

## 4. PERFORMANCE BY TYPE OF SERVICES ACTIVITIES

### 4.1 ACTIVITIES OF MEMBERSHIP ORGANISATIONS

*Based on the census results, a total of 9,623* ***establishments*** *were operating in activities of membership organisations in 2010. Three activities covered are activities of business, employers and professional membership organisations; activities of trade unions and activities of other membership organisations. Activities of other membership organisations which include activities of religious organisations, activities of political organisations and activities of other membership organisations (such as consumer associations, automobile associations and associations of youths) recorded the highest number of establishments, 8,612 establishments or 89.5 per cent. The number of establishments engaged in activities of trade unions was 379 establishments or 3.9 per cent (Chart 4.1.1).*

**Chart 4.1.1: Number and percentage of establishments by type, 2010**




**Chart 4.1.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by type, 2010**




*From the* ***value of gross output*** *generated in 2010 of RM304.8 million, activities of other membership organisations accounted the highest, RM259.0 million or 85.0 per cent, followed by activities of business, employers and professional membership organisations, RM30.3 million or 9.9 per cent and activities of trade unions, RM15.5 million or 5.1 per cent.*

*As in the above, activities of other membership organisations was also the highest contributor to* ***value added*** *with RM54.6 million or 79.4 per cent. This was followed by activities of business, employers and professional membership organisations and activities of trade unions, RM9.6 million or 14.0 per cent and RM4.5 million or 6.6 per cent, respectively. Chart 4.1.2 showed the percentage distribution of value of gross output and value added by type.*

***Value of fixed assets** owned in 2010 was RM319.9 million. Establishments engaged in other membership organisations recorded the highest value of fixed assets of RM267.4 million or 83.6 per cent, followed by activities of business, employers and professional membership organisations, RM33.7 million or 10.5 per cent and activities of trade unions, RM18.8 million or 5.9 per cent.*

***Total number of persons engaged** was 5,187 persons, of which 72.1 per cent or 3,739 persons were paid full-time employees and the remaining were paid part-time employees. Out of this number, general workers constituted the highest number, 1,551 persons or 29.9 per cent (Chart 4.1.3).*

***Chart 4.1.3: Percentage distribution of persons engaged by category of workers, 2010***




## *4.2 REPAIR OF COMPUTERS AND PERSONAL & HOUSEHOLD GOODS*

*Repair of computers and personal & household goods encompasses repair of computers and communication equipment and repair of personal and household goods. There were 4,197 **establishments** operating in this services. Repair of computers and communication equipment top in terms of number of establishments accounting for 2,196 establishments or 52.3 per cent. Meanwhile, there were 2,001 establishments operating in the repair of personal and household goods (Chart 4.2.1).*

***Chart 4.2.1 : Number and percentage of establishments by type, 2010***




***Number of establishments : 4,197***

*In terms of **value of gross output** and **value added**, repair of computers and communication equipment was the highest contributor, with 51.0 per cent and 52.3 per cent respectively. Repair of personal and household goods recorded 49.0 per cent of value of gross output and 47.7 per cent of value added (Chart 4.2.2).*

***Chart 4.2.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by type, 2010***




***Total number of persons engaged** in this activity was 12,837 persons. Out of this, 8,398 persons or 65.4 per cent were paid employees, while working proprietors, active business partners and unpaid family workers were 4,439 persons or 34.6 per cent.*

***Total salaries & wages** paid in 2010 amounted to RM127.6 million. Establishments engaged in the repair of computers and communication equipment spent the most on salaries & wages with RM69.6 million or 54.5 per cent. The average annual salary per employee in this services was RM15,199 (Table 4.2.1).*

***Table 4.2.1: Salaries & wages and average annual salary by type of activity, 2010***

| Activity | Number of persons engaged | (%) | Paid employees | (%) | Salaries & wages paid (RM million) | (%) | Average annual salary per employee (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Repair of computers and communication equipment | 6,799 | 53.0 | 4,568 | 54.4 | 69.6 | 54.5 | 15,247 |
| Repair of personal and household goods | 6,038 | 47.0 | 3,830 | 45.6 | 58.0 | 45.5 | 15,142 |
| **Total** | **12,837** | **100.0** | **8,398** | **100.0** | **127.6** | **100.0** | **15,199** |

### *4.3 OTHER SERVICES ACTIVITIES*

*Industries categorised in this services include washing and dry-cleaning of textiles and fur products; hairdressing and other beauty treatment; funeral services and related activities and other services activities. A total of 22,909* ***establishments*** *operated in this services in 2010. Establishments in hairdressing and other beauty treatment numbered the highest, 15,783 or 68.9 per cent, followed by other services activities, 5,106 establishments or 22.3 per cent and washing and dry-cleaning of textile and fur products, 1,933 establishments or 8.4 per cent. Chart 4.3.1 shows the percentage distribution of establishments by type in 2010.*

***Chart 4.3.1: Percentage distribution of number of establishments by type, 2010***




***Value of gross output*** *generated was RM3,616.7 million. Hairdressing and other beauty treatment accounted for the highest value of gross output, RM1,890.4 million or 52.3 per cent, followed by other services activities, RM1,356.1 million or 37.5 per cent and washing and dry-cleaning of textiles and fur products, RM284.8 million or 7.9 per cent.*

***Value added*** *amounted to RM2,069.9 million in 2010. During this period, hairdressing and other beauty treatment was the highest contributor with RM1,071.8 million or 51.8 per cent. This was followed by other services activities with RM797.4 million or 38.5 per cent and washing and dry-cleaning of textiles and fur products, RM156.5 million or 7.6 per cent. Chart 4.3.2 shows the percentage distribution of value of gross output and value added by type in 2010.*

***Chart 4.3.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by type, 2010***



***Value of fixed assets** owned was RM1,734.7 million. Establishments engaged in other services activities owned the highest value of fixed assets with RM1,041 million or 60.0 per cent. Hairdressing and other beauty treatment was next with RM445.7 million or 25.7 per cent and washing and dry-cleaning of textiles and fur products, RM213.3 million or 12.3 per cent.*

***Total number of persons engaged** was 77,466 persons, of which 68.4 per cent or 53,009 persons were paid full-time employees. Out of this, general workers constituted the highest number, 33,778 persons or 63.7 per cent. Female workers was higher than male workers, 65.8 per cent. A total of 73.8 per cent of female workers in this services were engaged in hairdressing and other beauty treatment.*

***Total salaries & wages** paid in 2010 amounted to RM769.8 million. The average annual salary per employee in other services activities was RM13,847. The highest average annual salary was recorded in the funeral services and related activities, RM17,296 (Table 4.3.1).*

**Table 4.3.1: Salaries & wages and average annual salary by type of activity, 2010**

| Activity | Number of persons engaged | (%) | Paid employees | (%) | Salaries & wages paid (RM million) | (%) | Average annual salary per employee (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Washing and dry-cleaning of textile and fur products | 7,265 | 9.4 | 5,204 | 9.4 | 60,245 | 7.8 | 11,577 |
| Hairdressing and other beauty treatment | 49,729 | 64.2 | 33,619 | 60.5 | 439,451 | 57.1 | 13,072 |
| Funeral services and related activities | 631 | 0.8 | 555 | 1.0 | 9,599 | 1.3 | 17,296 |
| Other services activities | 19,841 | 25.6 | 16,213 | 29.1 | 260,459 | 33.8 | 16,065 |
| **Total** | **77,466** | **100.0** | **55,591** | **100.0** | **769,754** | **100.0** | **13,847** |

## 5. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS

*In 2010, **women-owned establishments** in this services was 12,103 establishments or 33.0 per cent. Selangor had the highest percentage with 20.4 per cent, followed by W.P. Kuala Lumpur, 15.8 per cent and Johor 11.7 per cent. Meanwhile, other states such as Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya had only 0.9 per cent of such establishments (Chart 5.1).*

**Chart 5.1: Percentage distribution of women-owned establishments by state, 2010**




**Notation:**

***Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya*

*By type of services, women-owned establishments was prominent in other services activities, 97.8 per cent. Specifically hairdressing and other beauty treatment accounted for 83.6 per cent. Chart 5.2 shows the percentage distribution of women-owned establishments in other services activities in 2010.*

**Chart 5.2: Percentage distribution of women-owned establishments in other services activities, 2010**




**Notation:**

***Definition of women-owned establishment***

*a) 51 per cent and above of the equity held by a woman/women OR*

*b) The Managing Director or Chief Executive Officer is a woman who owns at least 10 per cent of the equity.*

**NOTA TEKNIKAL**

*TECHNICAL NOTES*

**Pendahuluan**

Laporan ini memuatkan data perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.

**Objektif**

Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, struktur, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperoleh digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik dan pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat unjuran dan analisis ekonomi.

**Kuasa perundangan**

Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.

**Skop dan liputan**

Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam:

i. Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional
ii. Aktiviti kesatuan buruh
iii. Aktiviti keahlian organisasi lain
iv. Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi
v. Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah
vi. Pencucian dan cucian kering pakaian dan produk berbulu
vii. Aktiviti dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain
viii. Penyediaan pengurusan mayat dan aktiviti berkaitan
ix. Aktiviti perkhidmatan lain

**Konsep dan definisi**

Definisi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) ver. 1.0. Definisi tersebut adalah seperti berikut:

**1. Aktiviti keahlian organisasi**

Bahagian ini termasuk aktiviti organisasi yang mewakili kepentingan kumpulan tertentu atau mempromosi idea kepada masyarakat umum. Organisasi berkenaan selalunya mempunyai kumpulan ahli tersendiri tetapi aktivitinya boleh melibatkan dan memberi manfaat kepada bukan ahli. Pecahan utama bahagian ini ditentukan oleh tujuan khidmat organisasi berkenaan, iaitu kepentingan majikan, pekerja sendiri dan komuniti tertentu, kepentingan pekerja atau

mempromosikan keagamaan, politik, kebudayaan, pendidikan atau idea rekreasi dan aktiviti.

**(i) Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional**

Merujuk kepada aktiviti mempromosikan kepentingan ahli organisasi perniagaan dan pekerja. Dalam kes keahlian organisasi profesional, ia juga termasuk aktiviti mempromosikan kepentingan professional ahli-ahli yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

**(ii) Aktiviti kesatuan buruh**

Merujuk kepada aktiviti mempromosikan kepentingan kesatuan buruh dan pekerja, aktiviti persatuan di mana ahli adalah pekerja yang berminat dalam memberi pandangan berkaitan gaji dan situasi pekerjaan, dan langkah diambil melalui organisasi dan aktiviti kesatuan kilang, kesatuan membentuk gabungan cawangan organisasi buruh, membentuk gabungan kesatuan berasaskan perdagangan, kawasan dan struktur organisasi atau kriteria lain.

**(iii) Aktiviti keahlian organisasi lain**

Merujuk kepada aktiviti mempromosikan kepentingan ahli selain organisasi keahlian perniagaan dan majikan, organisasi profesional dan kesatuan buruh. Ia termasuk aktiviti organisasi keagamaan, aktiviti organisasi politik dan aktiviti keahlian organisasi lain seperti persatuan pengguna, persatuan automobil, persatuan belia dan kelab warga emas.

**2. Pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi rumah**

Bahagian ini termasuk pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komputer seperti desktop, komputer riba, komputer terminal, peranti penyimpanan dan pencetak. Termasuk juga pembaikan peralatan komunikasi seperti mesin faks; radio dua hala dan barangan elektronik pengguna seperti radio dan TV; peralatan rumah dan halaman seperti mesin rumput dan *blowers;* kelengkapan kasut dan barangan kulit; perabot dan kelengkapan rumah; pakaian dan aksesori pakaian; barangan sukan; peralatan muzik; barangan hobi dan barangan persendirian dan isi rumah lain. Tidak termasuk daripada bahagian ini adalah pembaikan peralatan perubatan dan pengimejan diagnostik, peralatan menyukat dan mengukur, peralatan makmal, peralatan radar dan sonar.

**(i) Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi**

Merujuk kepada pembaikan komputer dan peralatan sampingan serta pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komunikasi.

(ii) **Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah**

Merujuk kepada pembaikan peralatan elektronik pengguna; pembaikan kelengkapan isi rumah dan peralatan rumah dan halaman; pembaikan kelengkapan kasut dan barangan kulit; pembaikan perabot dan kelengkapan rumah serta pembaikan barangan persendirian dan isi rumah.

3. **Aktiviti Perkhidmatan persendirian lain**

Bahagian ini termasuk semua aktiviti perkhidmatan yang tidak dinyatakan di mana-mana klasifikasi terutamanya perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti yang berkaitan.

(i) **Perkhidmatan pencucian dan cucian kering pakaian produk berbulu**

Merujuk kepada pencucian dan cucian kering, menggosok; mensyampu karpet dan permaidani; pengeringan dan cucian langsir sama ada di premis pengguna atau sebaliknya; penyediaan linen, baju seragam dan perkara berkaitan dengan cucian; dan perkhidmatan pembekalan pengalas.

(ii) **Aktiviti dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain**

Merujuk kepada dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan aktiviti sauna, mandian stim dan salon mengurut. Pembuatan rambut palsu dan aktiviti pusat kesihatan tidak termasuk dalam kumpulan ini.

(iii) **Perkhidmatan pengurusan mayat dan aktiviti berkaitan**

Merujuk kepada penyediaan pengurusan mayat untuk pengebumian atau pembakaran dan perkhidmatan pengawetan mayat; perkhidmatan penyediaan pengebumian atau pembakaran; penyewaan ruang yang lengkap dalam bilik pengebumian; penyewaan dan penjualan ruang kubur; dan penyelenggaraan kubur dan makam. Aktiviti perkhidmatan pengebumian mengikut keagamaan tidak termasuk dalam kumpulan ini.

(iv) **Aktiviti perkhidmatan lain**

